



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
PERSIARAN BUKIT UTAMA, BANDAR UTAMA
47800 PETALING JAYA

Tel : 03-77276166
Fax: 03-77267199

Ruj. Kami : SMKBU3/01/06/002(4)
Tarikh : 23 Februari 2009

Kepada:
Semua ibu bapa/penjaga yang dihormati

Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PROGRAM NILAM

Dengan segala hormatnya dimaklumkan kepada semua ibu bapa/ penjaga bahawa 10 markah daripada bacaan dari program NILAM akan diambil kira di dalam Peperiksaan Penggal Pertama dan Peperiksaan Penggal Kedua sekolah bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

2. Bilangan buku yang diambil kira sebagai markah dalam peperiksaan tersebut adalah sekurang-kurangnya 10 buah buku berbahasa Malaysia dan 10 buah buku berbahasa Inggeris untuk setiap penggal.
3. Bagaimanapun bilangan itu sebenarnya tidak terhad kerana pelajar digalakkan membaca lebih banyak buku untuk membolehkan mereka memperolehi anugerah Tokoh NILAM.
4. Pihak sekolah berharap agar Dato'/Datin/Tuan/Puan memberi galakan kepada para pelajar untuk menambah bilangan buku yang dibaca dalam setahun.
5. Kerjasama pihak Dato'/Datin/Tuan/Puan amat kami harapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“NADI ILMU AMALAN MEMBACA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,
